



UM.R/BPP/604/3

1 April 2016

Timbalan Naib Canselor
Pengawal Kewangan
Ketua Pustakawan
Dekan/Pengarah Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Ketua Jabatan
Pengetua Kolej Kediaman
Presiden PKAUM
Presiden KKAUM

YBhg. Dato/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI:
LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI/PELAJAR TAJAAN BIASISWA KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TINGGI (KPT) DALAM MEMELIHARA INTEGRITI DAN NAMA BAIK
KERAJAAN SEMASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN MEDIA SOSIAL DI INTERNET**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan surat edaran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi yang menerangkan maksudnya tersendiri. Sehubungan itu, sukacita dapat kiranya pihak YBhg. Dato/Datuk/Datin/Tuan/Puan memanjangkan perkara ini kepada semua warga Pusat Tanggugjawab YBhg. Dato/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, untuk makluman.

Yang benar,


YUSOFF MUSA
Pendaftar

s.k Naib Canselor

/Shana3254



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

SECRETARY GENERAL
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Tel : 603-8870 5051
Faks (Fax) : 603-8870 6806
Laman Web (Web) : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj Kami: KPT.B.600-1 Jld. (21)
Tarikh : 18 Mac 2016

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI/PELAJAR TAJAAN BIASISWA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) DALAM MEMELIHARA INTEGRITI
DAN NAMA BAIK KERAJAAN SEMASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN MEDIA
SOSIAL DI INTERNET**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, kelebihan penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, *Blog* dan *WhatsApp* pada hari ini banyak membantu urusan bagi mendapatkan maklumat terkini dan menjadi medium perhubungan yang paling pantas dan efektif. Tidak dinafikan, Kerajaan juga menggunakan media sebegini untuk menyalurkan maklumat serta berinteraksi bersama pelanggan dan orang awam. Dalam hal ini, KPT juga tidak terkecuali menjadikan media sosial sebagai perantara dalam interaksi dan saluran maklumat dengan semua pelanggan khususnya pegawai/pelajar tajaan di luar negara.
3. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah menerima banyak maklum balas dan aduan mengenai penglibatan pegawai/pelajar tajaan yang memberi pandangan negatif secara keterlaluan, dan tidak mengikut saluran serta etika yang sewajarnya terhadap dasar-dasar Kerajaan khususnya dengan menggunakan media sosial tersebut. Insiden sebegini bukan sahaja melibatkan maruah dan nama baik Kementerian, malah turut menjejaskan imej perkhidmatan awam, dan nama baik Malaysia di mata dunia.
4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, klausa 4(b) dalam perjanjian tajaan biasiswa yang ditandatangani antara pihak pelajar dan pihak Kerajaan menyatakan:

"bahawa, pada sepanjang kursus latihan itu, dia tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa juga kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak sesuai atau tidak berfaedah kepada PEGAWAI/PELAJAR atau negara dan akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu, jika dikehendaki berbuat demikian;".

5. Manakala, klausa 6(a) memperuntukkan bahawa Kerajaan di bawah Perjanjian ini boleh mengikut budi bicaranya yang mutlak menamatkan Hadiah Latihan pegawai/ pelajar pada bila-bila masa dalam tempoh kursus latihan sekiranya:

“ telah pada pendapat KERAJAAN berkelakuan secara yang telah menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia, atau kecuaianya yang menunjukkan dirinya sebagai tidak mengendahkan kursus latihannya; ”.

6. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah diarahkan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai/ pelajar yang terlibat berdasarkan perjanjian tersebut di atas dan perjanjian-perjanjian lain yang berkaitan yang telah ditandatangani oleh pihak-pihak berkaitan serta mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI IR. DR. ZAINI UJANG)